



Ringkasan

20

Usul Tafsir Al-Qur'an

Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami
Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat

Nota (18)

Oleh: MAULANA MUHAMMAD ASRI YUSOFF

Bantahan Golongan Ketiga Terhadap Dalil-Dalil Yang Dipegang Oleh Golongan Muta'kkhirin Yang Menerima Konsep Nasakh.

Terdapat tiga golongan ahli tafsir di kalangan para 'ulama' ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah yang berbeda pandangan tentang konsep nasakh di dalam al-Qur'an. Pertama ialah golongan mutaqqaddimin. Kedua ialah golongan muta'kkhirin. Dan ketiga ialah golongan معاصرين atau 'ulama' yang kebanyakannya muncul di zaman mutakakhir. Mereka ialah orang-orang yang tidak menerima langsung konsep nasakh yang diterima oleh golongan kedua atau golongan muta'kkhirin. Konsep nasakh yang diterima oleh golongan mutaqqaddimin diterima juga oleh mereka secara 'amnya, cuma apa yang tidak diterima oleh mereka hanyalah konsep nasakh menurut istilah muta'akkhirin dan juga istilah nasakh di sisi golongan mutaqqaddimin yang amat luas rangkumannya. Mereka hanyalah tidak menerima berlakunya nasakh di dalam al-Qur'an sahaja. Adapun dalam hadits-hadits Nabi, mereka juga seperti orang-orang lain tetap menerima kewujudannya. Bahkan adanya nasakh dalam hadits-hadits merupakan suatu perkara yang diijma'kan di kalangan kaum muslimin tanpa kecuali dari dahulu hingga sekarang.

Sebelum ini telah pun dibincangkan tentang perbezaan konsep nasakh di antara mutaqqaddimin dan muta'kkhirin. Orang-orang yang menerima konsep nasakh, baik dari kalangan mutaqqaddimin mahupun muta'kkhirin berpegang dengan dalil-dalil tertentu. Ia dapat dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, dalil-dalil naqli. Dan kedua, dalil-dalil 'Aqli. Di dalam nota ke-12 yang lalu telah pun dikemukakan secara ringkas dalil-dalil naqli yang menjadi pegangan golongan yang menerima konsep nasakh itu. Ia terdiri daripada beberapa ayat al-Qur'an dan beberapa hadits Rasulullah s.a.w.

Dalil pertama ialah firman Allah berikut:

مَا نَنْسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِهَا نَذُرٌ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾

Bermaksud: Ayat mana saja yang Kami nasakhkan, atau Kami jadikan (manusia) lupa kepadanya, Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya. Tidakkah kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu? (al-Baqarah:106).

Kata golongan kedua iaitu golongan muta'akhirin, firman Allah ini menunjukkan adanya ayat al-Qur'an tertentu yang dimansuhkan. Maka tentulah ada pula naasikhnya. Allah sendiri mengatakan "Tidak ada satu pun ayat yang Kami nasakhkan atau Kami lupakan manusia terhadapnya melainkan Kami akan bawakan (ayat) yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya".

Ayat ini kata mereka menunjukkan beberapa perkara:

- (a) Adanya ayat al-Qur'an yang dimansuhkan oleh Allah.
- (b) Adanya ayat al-Qur'an yang Allah lupakan manusia terhadapnya.
- (c) Apabila Allah menasakhkan sesuatu ayat al-Qur'an, ia pasti digantiNya dengan ayat yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya.
- (d) Ayat Naasikh (yang memansuhkan) lebih baik daripada ayat mansukh atau setidak-tidaknya ia mesti sebanding dengannya.

Ayat 106 dari Surah al-Baqarah itu menurut mereka menunjukkan adanya ayat-ayat al-Qur'an yang mansukh hukum atau bacaannya, atau mansukh kedua-duanya sekali dan diganti dengan yang lebih baik daripadanya atau seumpamanya.

Bantahan Terhadap Dalil Pertama.

Golongan ketiga mengkritik dan mempertikaikan cara golongan kedua memahami ayat itu. Kesilapan golongan kedua bagi mereka terletak pada beberapa perkara:

- (a) Mereka telah memakai perkataan نسخ (Kami nasakhkan) dengan erti Kami mansuhkan atau Kami tukarkan hukum yang terdapat di dalam sesuatu ayat dengan hukum yang terdapat di dalam ayat lain yang diturunkan kemudian.

Padahal perkataan nasakh menurut bahasa `Arab tidak semestinya bererti begitu. Jika dilihat kepada erti nasakh yang telah diberikan sebelum ini, maka ada banyak sekali ertinya. Antaranya ialah:

- (i) Nasakh dengan erti penghapusan.
- (ii) Nasakh dengan erti perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain.
- (iii) Nasakh dengan erti *al-Izalah* atau menghilangkan.

(iv) Nasakh dengan erti *an-Naqlu*, iaitu pemindahan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain.

(v) Nasakh dengan erti *at-Tabdil* atau penukaran.

(vi) Nasakh dengan erti *at-Tahwil* atau pemalingan.

(vii) Nasakh dengan erti salin atau menyalin.

(viii) Dan lain-lain.

Mereka pula memakai perkataan itu menurut istilah muta'akhhirin yang diada-adakan oleh mereka sendiri, iaitu menasakhkan (menghilangkan / menukarkan / menghapuskan) suatu hukum terdahulu dengan suatu hukum lain yang datangnya terkemudian!

(b) Mereka juga memakai perkataan آية yang tersebut di dalamnya dengan erti ayat al-Qur'an. Padahal perkataan آية mempunyai banyak lagi erti yang lain menurut bahasa 'Arab. Antara ertinya ialah:

(i) Tanda; alamat. (ii) Bukti; dalil; hujah. (iii) Mu'jizat. (iv) Ayat. (v) Hukum. (vi) Pengajaran; teladan. (vii) Contoh. (viii) Dan lain-lain.

Golongan ketiga berpendapat perkataan آية di dalam Surah al-Baqarah, ayat 106 itu sebetulnya bererti mu'jizat. Jadi maksud firman Allah itu ialah "Tidak Kami tukar (/ hilangkan) sesuatu mu'jizat (seseorang nabi) atau Kami jadikan (manusia) lupa kepadanya, melainkan Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya. Tidakkah kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu?"

Di zaman Nabi Musa a.s. sebagai contohnya, Allah telah memberikan kepada Baginda mu'jizat-mu'jizat tertentu sebagai sokongan dan bukti daripadanya bahawa baginda adalah Rasul Allah yang sebenar. Kemudian setelah Allah mengutuskan Nabi 'Isa a.s., Baginda diberikan mu'jizat-mu'jizat yang lain pula sebagai ganti kepada mu'jizat-mu'jizat yang pernah diberikan kepada Nabi Musa a.s. sebelumnya. Mu'jizat-mu'jizat Musa telah dilupakan oleh manusia kemudian kerana ia telah agak lama berlalu. Begitu juga dengan mu'jizat-mu'jizat yang diberikan oleh Allah kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. Ia diberikan kepada Baginda sebagai ganti kepada mu'jizat-mu'jizat yang pernah diberikan kepada Nabi Musa dan Nabi 'Isa yang telah berlalu sebelum baginda. Mu'jizat-mu'jizat yang diberikan oleh Allah kepada

seseorang nabi di zaman masing-masing adalah lebih baik daripada mu`jizat yang diberikan kepada nabi sebelumnya, paling tidak pun ia adalah sebanding dan setara dengannya.

Al-Qur'an adalah salah satu mu`jizat yang diberikan sebagai ganti mu`jizat-mu`jizat yang pernah diberikan kepada nabi-nabi terdahulu. Ia tentunya lebih baik dan lebih sesuai untuk umat akhir zaman berbanding mu`jizat-mu`jizat yang pernah diberikan kepada nabi-nabi sebelum baginda. Ia bahkan lebih baik daripada kitab-kitab yang pernah diturunkan oleh Allah kepada nabi-nabi dan rasul-rasul sebelum Muhammad sebagai mu`jizat. Al-Qur'an melebihi kitab Taurat dan Injil sebagai contohnya dari semua segi.

Ayat 106 Surah al-Baqarah itu menurut mereka, diturunkan sebagai bantahan terhadap golongan Yahudi yang meminta Nabi s.a.w. mengemukakan mu`jizat kebendaan seperti yang pernah diberikan kepada Musa dan `Isa a.s. Apa yang disebut Allah sebagai "yang lebih baik daripadanya" itu ialah al-Qur'an. Ia merupakan mu`jizat yang lebih baik daripada mu`jizat-mu`jizat kebendaan yang mereka minta itu. Kerana zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya adalah zaman ilmu pengetahuan dan penulisan, zaman sains dan kesusasteraan. Tidak seperti zaman Nabi Musa a.s. dan umatnya, ia adalah zaman berleluasanya ilmu sihir. Maka wajarlah kalau Nabi Musa a.s. diberikan mu`jizat-mu`jizat kebendaan yang sesuai dengannya. Diberikan kepadanya tongkat sakti yang dapat bertukar menjadi ular dan dapat membelah lautan. Pada lahirnya ia kelihatan seperti sihir juga, cuma ilmu sihir lemah terus apabila berhadapan dengannya. Walaupun begitu, bukanlah bererti al-Qur'an sahaja yang diberi Allah kepada Nabi kita Muhammad sebagai mu`jizat. Mu`jizat kebendaan yang setanding atau lebih kurang serupa dengan yang pernah diberikan kepada Musa dan `Isa juga diberikan kepadanya. Antara mu`jizat kebendaan yang pernah diberikan kepada Nabi kita ialah keluarnya air dari celah-celah jari-jemari baginda sehingga ia mencukupi untuk berpuluh-puluh orang berwudhu'. Memasukkan kembali mata sahabat yang bernama Qataadah setelah ia tersembur keluar akibat terkena senjata musuh dan ia kembali pulih seperti sediakala, bahkan lebih baik dari sebelumnya dan lain-lain lagi.

Itulah bagi mereka maksud firman Allah di dalam ayat yang sama: "Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya." Semua itu berkait

dengan mu`jizat. Ia langsung tiada kaitan dengan memansuhkan mana-mana ayat al-Qur'an, apalagi untuk dikata ia memansuhkan ayat hukum secara khusus. Untuk maksud itu, isyarat pun tidak terdapat di dalamnya!

Perkataan آية sememangnya ada digunakan di dalam al-Qur'an dengan erti tanda kebesaran dan kekuasaan Allah atau mu`jizat pada beberapa tempat. Umpamanya di dalam dua ayat berikut:

وَالَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِنْ رُوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا وَابْنَهَا آيَةً لِلْعَالَمِينَ ﴿٩١﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah kisah) Maryam yang telah memelihara kehormatannya, lalu Kami tiupkan ke dalam (tubuh)nya ruh dari Kami dan Kami jadikan dia dan anaknya tanda (kebesaran dan kekuasaan Allah) yang besar bagi semesta alam. (al-Anbiyaa':91).

وَجَعَلْنَا ابْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُ آيَةً وَءَاوَيْنَهُمَا إِلَىٰ رُبُوعٍ ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: Dan Kami jadikan (Nabi Isa) Ibni Mariam serta ibunya sebagai satu tanda (mu`jizat) dan Kami telah menempatkan keduanya di tanah tinggi, tempat tinggal yang ada tanaman dan mata air yang mengalir. (al-Mu'minun:50).

Selain itu ayat 106 Surah al-Baqarah juga disudahi dengan menyebutkan sifat Maha kuasa Allah atas segala sesuatu melalui firman Allah yang bermaksud: "Tidaklah kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu?" Kalaulah perkataan آية di dalamnya tidak dipakai dengan erti tanda kekuasaan dan kebesaran Allah atau mu`jizat (آية كونية), niscaya tidak sesuailah sifat Maha kuasa Allah atas segala sesuatu dijadikan sebagai penutupnya! Kalaulah perkataan آية yang tersebut di dalamnya bererti ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan hukum-hakam (آية تشريعية), niscaya sifat Allah yang sesuai dijadikan sebagai penutup ayat tersebut bukan قدير (Maha Kuasa), sebaliknya sifat عليم (Maha Mengetahui), حكيم (Maha Bijaksana) atau خبير (Maha Mendalam IlmuNya).

Semua ini menunjukkan ayat 106 yang dijadikan sebagai hujah bagi adanya nasakh di dalam al-Qur'an itu sebenarnya tidak jitu.

(c) Siyaq (ayat selepas) dan sibaq (ayat sebelum) bagi ayat 106 juga tidak menyokong pendapat golongan kedua, kerana ayat sebelumnya jelas berbicara tentang Kitab dan mu`jizat yang diturunkan Allah kepada nabi-nabiNya. Allah berfirman:

مَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

Bermaksud: Orang-orang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik tiada menginginkan diturunkannya sesuatu kebaikan kepadamu dari Tuhanmu. Dan Allah menentukan siapa yang dikehendaki-Nya (untuk diberi) rahmat-Nya (kenabian); dan Allah mempunyai kurnia yang besar. (al-Baqarah:105).

Demikian juga dengan ayat 108 selepasnya. Lihat firman Allah berkenaan:

أَمْ تُرِيدُونَ أَنْ تَسْأَلُوا رَسُولَكُمْ كَمَا سَأَلَ مُوسَى مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَتَّبِعِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١٠٨﴾

Bermaksud: Apakah kamu hendak meminta kepada Rasulmu seperti Bani Israel meminta kepada Musa pada zaman dahulu? Dan sesiapa yang menukar iman dengan kekufuran, maka sesungguhnya dia telah sesat dari jalan yang lurus. (al-Baqarah:108).

Melalui ayat ini Allah menempelak orang-orang yang mahukan mu`jizat daripada Rasulullah seperti mu`jizat-mu`jizat yang pernah diberikan kepada Musa dahulu. Padahal Allah menghendaki mu`jizat al-Qur'an untuk umat ini sebagai ganti mu`jizat-mu`jizat seperti yang pernah diberikan kepada Musa, iaitu mu`jizat-mu`jizat yang bersifat sementara waktu, mu`jizat-mu`jizat yang lenyap dengan wafatnya rasul Allah.

Senggang empat ayat selepas ayat 108 ini Allah mendedahkan perihal orang-orang Yahudi dan Nashara yang saling menyesatkan satu sama lain. Padahal masing-masing daripada mereka mempunyai kitab (suci dari langit). Tetapi, oleh kerana mereka berpegang dengan kitab yang sudah mansukh dan telah luput tarikh penggunaannya, maka mereka tidak dapat bersatu padu, sebaliknya berpecah belah. Masing-masing menda'wa merekalah ahli syurga. Hanya mereka sahaja yang benar, kerana itu mereka sahajalah yang layak masuk syurga! Lihat firman Allah berkenaan:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتْ الْتَّصَرَّى عَلَى شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَى لَيْسَتْ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابُ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

Bermaksud; Dan orang-orang Yahudi berkata: “Orang-orang Nasrani itu tidak mempunyai pegangan (agama yang benar)”, dan orang-orang Nasrani pula berkata: “Orang-orang Yahudi tidak mempunyai pegangan (agama yang benar)”. Padahal mereka (sama-sama) membaca al Kitab (masing-masing). Demikian pula orang-orang yang tidak mengetahui, mengatakan seperti ucapan mereka itu. Maka Allah akan mengadili di antara mereka pada hari kiamat mengenai perselisihan mereka. (al-Baqarah:113).

(d) Sesetengah ‘ulama’ dari kalangan golongan ketiga pula memakai perkataan آية di dalam firman Allah ayat ke-106 Surah al-Baqarah itu dengan erti syari’at-syari’at yang lalu. Maksudnya ialah “Tidak Kami mansukhkan mana-mana syari’at nabi terdahulu atau Kami lupakannya melainkan Kami datangkan syari’at lain yang lebih baik daripadanya sebagai ganti. Paling tidak pun Kami datangkan syari’at yang sebanding dengannya.”

Ayat ini bagi mereka menunjukkan syari’at nabi terdahulu termansukh semuanya atau sebahagian daripadanya dengan syari’at yang dibawa oleh nabi selepasnya. Ini adalah suatu perkara yang disepakati oleh semua pihak. Tiada siapa pun yang mempertikaikan hakikat ini termasuk juga golongan ketiga.

(e) Jika diterima sekalipun perkataan آية di dalam ayat 106 Surah al-Baqarah itu sebagai ayat al-Qur’an sekalipun masih belum pasti ia menunjukkan bahawa sememangnya ada ayat-ayat al-Qur’an tertentu yang dimansukhkan dengan ayat lain. Apalagi untuk dikatakan ia dimansukhkan dengan hadits, ijma’ atau dengan qias sebagaimana yang dida’wa oleh golongan yang menerima adanya nasakh secara khususnya dalam bab hukum-hakam!

Sebabnya ialah perkataan ما yang tersebut di permulaan ayat 106 adalah ما شرطية جزائية . Perkataan ننسخ adalah syaratnya. Dan rangkai kata نأت بخير منها pula adalah jawab bagi ما الشرطية di permulaan ayat berkenaan. Sebagaimana apabila engkau berkata, من جاءك فأكرمه (Sesiapa datang kepadamu, maka muliakanlah dia), maka kata-katamu itu tidaklah menunjukkan secara pasti akan berlaku kedatangan, ia paling tinggi pun

menunjukkan jika diandaikan ada sesiapa datang, maka mestilah engkau muliakan. Demikian juga dengan ayat berkenaan, ia tidak menunjukkan sememangnya ada berlaku nasakh terhadap ayat-ayat tertentu. Ia hanyalah menunjukkan jika diandaikan berlaku nasakh terhadap mana-mana ayat al-Qur'an, maka mestilah Allah akan mendatangkan ayat yang lebih baik daripada ayat yang dinasakahkan, atau paling tidak pun yang setara dengannya. Kesimpulannya ialah ayat itu tidak merupakan nas yang terang tentang berlakunya nasakh di dalam al-Qur'an. Malah sebaliknya ia secara tidak langsung menunjukkan tentang tidak adanya nasakh di dalam al-Qur'an.

Keadaannya sama seperti firman Allah berikut ini:

فَإِنْ كُنْتَ فِي شَكٍّ مِّمَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ فَسْأَلِ الَّذِينَ يَقْرَأُونَ الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكَ لَقَدْ جَاءَكَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٩٤﴾

Bermaksud: Maka jika engkau (wahai Muhammad) berasa ragu-ragu tentang apa yang Kami turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab (yang diturunkan) sebelummu. Sesungguhnya telah datang kepadamu kebenaran dari Tuhanmu, maka janganlah sekali-kali engkau termasuk (dalam kumpulan) orang-orang yang ragu-ragu. (Yunus:94).

Jelas sekali apa yang tersebut sebagai syarat di dalam ayat ini tidak berlaku. Memang tidak ada berlaku Nabi s.a.w. berasa ragu-ragu tentang apa yang Allah turunkan kepadanya. Itu adalah suatu yang mustahil berlakunya kepada Nabi s.a.w. Oleh kerana tidak ada berlaku syaratnya, maka tidak berlakulah pula jawabnya, iaitu tidak ada berlakulah pula Nabi s.a.w. bertanya kepada orang-orang yang membaca kitab sebelumnya. Ayat itu seolah-olahnya menyatakan "Oleh kerana tidak ada sebarang keraguan dalam dirimu terhadap al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah kepadamu, maka tidak perlulah engkau bertanya Ahlil Kitab." Itulah sebabnya Nabi s.a.w. melarang umatnya bertanya apa-apa kepada Ahlil Kitab, kerana mereka hanya akan mengacau-bilaukan ma'lumat yang sedia ada pada umat dengan memberikan ajaran agama mereka yang mengarut dan telah diselewengkan.

Penggunaan uslub (gaya bahasa) syarat yang tidak berlaku, maka tidak berlakulah pula jawabnya seperti yang terdapat dalam ayat 94 Surah Yunus itu terdapat pada

beberapa tempat lagi di dalam al-Qur'an. Supaya dapat difahami dengan betul uslub itu dibawah ini dikemukakan dua lagi contohnya. Allah berfirman:

وَإِنْ تُطِيعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يَضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

Bermaksud: Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. (al-An'aam:116).

Syarat yang disebut di dalam ayat 116 Surah al-An'aam itu ialah "jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi". Oleh kerana ia tidak berlaku, maka tidak berlakulah juga jawabnya, iaitu "niscaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah".

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu, "Demi sesungguhnya! jika engkau mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah), niscaya akan terhapuslah amalmu dan engkau akan tetap menjadi orang-orang yang rugi. (az-Zumar:65).

Syarat yang disebutkan di dalam ayat ini ialah "jika engkau mempersekutukan (Allah)". Ia tidak berlaku, maka tidak berlakulah juga jawabnya, iaitu "niscaya akan terhapuslah amalmu dan engkau akan tetap menjadi orang-orang yang rugi".

Begitulah juga dengan ayat 106 Surah al-Baqarah yang sedang kita bincangkan sekarang. Oleh kerana tidak ada berlaku nasakh yang merupakan syarat di dalamnya, maka tidak adalah juga jawabnya, iaitu keperluan mendatangkan ayat lain yang lebih baik daripadanya atau yang setara dengannya. Uslub itu seolah-olahnya menyatakan maksud Allah yang sebenarnya, bahawa tiada pemansukhan, penukaran atau tindakan melupakan (nabi atau umat terhadap) mana-mana ayat al-Qur'an berlaku. Oleh itu tidak adalah keperluan Kami mendatangkan ayat lain yang lebih baik daripadanya atau yang setara dengannya. Kerana sememangnya tidak ada yang lebih baik daripada al-Qur'an yang telah diturunkan oleh Allah kepada NabiNya Muhammad s.a.w.

Membawa ayat al-Qur'an lain sebagai ganti yang setara dengan yang sedia ada juga suatu perbuatan yang sia-sia. Kerana kalau ia sudah baik, untuk apa digantinya dengan ayat lain yang sama saja daripada segi kebaikan dengannya?

(f) Rangkai kata **أَوْ نَنسَهَا** (atau Kami melupakan manusia kepadanya) yang terdapat di dalam ayat yang sama (ayat 106 Surah al-Baqarah) juga akan menimbulkan banyak kemusykilan jika perkataan Kami “nasakhkan” yang tersebut sebelumnya dipakai dengan erti menasakhkan mana-mana ayat al-Qur'an, terutamanya ayat hukum! Manusia manakah yang Allah lupakan ayat yang dikatakan telah mansukh itu? Kalau manusia yang dimaksudkan di situ ialah kita para umat, maka jelas sekali tidak benarnya. Kerana semua orang tahu dan ingat ayat yang dimansukhkan, seperti juga ayat yang memansukhkannya. Kalau tidak ingat bagaimana ia boleh disebutkan, malah dibincangkan?! Jika dikatakan orang yang Allah lupakan dia terhadap ayat al-Quran yang dimansukhkan itu ialah Rasulullah s.a.w. sendiri sebagaimana yang terdapat dalam sesetengah riwayat, maka ia juga jelas bercanggah dengan kenyataan. Kerana telah dikatakan Nabi s.a.w. sendirilah yang memberitahu tentang kemansukhannya. Kalau baginda betul-betul telah terlupa, bagaimana baginda dapat menceritakan pula kepada para sahabat?! Selain itu ia juga bercanggah dengan firman Allah yang memberi jaminan akan menjaga dan mengingatkan Nabi s.a.w. akan apa yang diwahyukan kepadanya! Lihat sebagai contohnya firman Allah berikut:

لَا تَحْرُكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۚ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۚ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Janganlah engkau (wahai Muhammad) Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). (16). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); (17). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; (18). Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (19). (al-Qiyaamah:16-19).

Jika anda memakainya dengan erti “Kami melupakan manusia terhadap mu`jizat yang pernah diberikan kepada mana-mana nabi terdahulu”, maka dengan mudah saja ia akan dapat difahami. Kerana sudah menjadi tabi'i manusia akan terlupa kepada

sesuatu yang telah lampau pada masa lalu yang agak lama. Demikian juga kalau ia dipakai dengan erti “Kami menjadikan mu’jizat yang pernah diberikan kepada nabi terdahulu tidak begitu diperlukan kerana perubahan zaman yang telah berlaku. Manusia di zaman kemudian lebih memerlukan kepada mu’jizat lain sebagai gantinya. Dan sebaik-baik gantinya ialah al-quran, satu mu’jizat yang hidup dan akan terus kekal walaupun pembawanya sudah tiada nanti.

Dalil kedua mereka ialah firman Allah berikut:

وَإِذَا بَدَّلْنَا آيَةً مَّكَانَ آيَةٍ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُنَزِّلُ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مُفْتَرٍ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

Bermaksud: Dan apabila Kami tukarkan satu ayat menggantikan ayat yang lain dan Allah memang mengetahui akan apa yang Dia turunkan, - berkatalah mereka (yang kafir): Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang pendusta; (padahal Nabi Muhammad tidak berdusta) bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya. (an-Nahl:101).

Kata orang-orang yang menerima konsep nasakh ayat hukum di dalam al-Qur’an, ayat 101 Surah an-Nahl ini jelas menunjukkan adanya penukaran satu ayat dengan ayat yang lain. Itulah sebenarnya yang dikatakan nasakh. Antara bukti yang menunjukkan perkataan آية yang tersebut di dalam ayat ini ialah ayat al-Qur’an, bukan mu’jizat atau syari’at yang lalu ialah firman Allah di dalamnya bahawa: وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُنَزِّلُ Bermaksud: “dan Allah memang mengetahui akan apa yang Dia turunkan”. Tentulah apa yang diturunkan oleh Allah itu berupa ayat-ayat al-Qur’an, kerana ayat-ayat al-Qur’anlah yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Ayat seterusnya juga membuktikan apa yang diturunkan oleh Allah seperti tersebut di dalam ayat 101 itu ialah ayat-ayat al-Qur’an. Lihat ayat berkenaan di bawah ini:

قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ آمَنُوا وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Ruhul Qudus (Jibril) menurunkan al-Qur’an itu dari Tuhanmu dengan benar, untuk meneguhkan (hati) orang-orang yang telah beriman, dan untuk menjadi petunjuk serta berita gembira bagi orang-orang Islam. (an-Nahl:102).

Bukankah Jibril menurunkan al-Qur'an dalam bentuk ayat-ayat kepada Rasulullah s.a.w.? Nah! Itulah bukti ayat yang ditukar oleh Allah sebagai ganti kepada ayat yang lain itu bermaksud ayat al-Qur'an, bukan mu'jizat atau syari'at nabi-nabi dan rasul-rasul yang lalu.

Bantahan Terhadap Dalil Kedua.

Dalil kedua ini dipertikaikan juga oleh golongan ketiga. Bagi mereka, tidak ada petunjuk jelas di dalam ayat 101 dan 102 Surah an-Nahl itu yang menunjukkan sesuatu ayat hukum apabila dimansukh oleh Allah, ia diganti dengan ayat hukum yang lain pula olehNya!

Di bawah ini dikemukakan beberapa alasan golongan ketiga dalam menolak pemahaman golongan kedua terhadap ayat berkenaan:

(a) Ketika membincangkan dalil pertama sebelum ini telah pun disebutkan bahawa perkataan آية di dalam al-Qur'an tidak semestinya dipakai dengan erti ayat al-Qur'an sahaja. Ia dengan erti ayat al-Qur'an adalah salah satu istilah yang baru diperkenalkan oleh Islam. Jika dilihat kepada penggunaan perkataan itu di dalam al-Qur'an, maka lebih banyak lagi ia telah dipakai dengan erti-ertinya yang lain menurut bahasa 'Arab. Dan itulah merupakan ma'na-ma'na asalnya. Salah satunya ialah tanda kebesaran Allah atau mu'jizat.

Perkataan آية telah digunakan sebanyak 86 kali di dalam al-Qur'an. Yang dipertikaikan sama ada ia dipakai dengan erti ayat al-Qur'an atau lain-lain erti hanyalah dua ayat ini sahaja (ayat 106 Surah al-Baqarah dan ayat 101 Surah an-Nahl ini). Adapun yang lain-lain semuanya disepakati tentang ia sememangnya telah dipakai dengan erti (الآية الكونية) atau tanda-tanda kebesaran Allah pada alam semesta. Termasuk juga di dalamnya mu'jizat-mu'jizat yang diberikan oleh Allah kepada nabi-nabi dan rasul-rasulNya.

(b) Silap sekali mengatakan bahawa apabila Allah berfirman di dalam ayat 101 – 102 itu yang bermaksud “Allah memang mengetahui akan apa yang Dia turunkan”, dan Ruhul Qudus (Jibril) pula yang menurunkannya, maka tentulah yang diturunkan oleh Allah itu berupa ayat-ayat al-Qur'an. Kerana Jibril hanya menurunkan ayat-ayat al-Qur'an sahaja kepada Nabi s.a.w.

Anggapan seperti itu nyata sekali silapnya, kerana Jibril bukan ditugaskan untuk menurunkan ayat-ayat al-Qur'an sahaja kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. Bukankah Jibril pernah turun kepada Nabi s.a.w. sekembalinya baginda daripada berda'wah di Ta'if, dan penduduknya tidak menyambut baik da'wah yang disampaikan oleh baginda, sebaliknya mereka telah menghina dan memukul baginda? Pada ketika itu bukankah Jibril berkata kepada baginda: "Ini malaikat yang menjaga bukit-bukau. Ia dihantar oleh Allah untukmu." Lalu malaikat itu berkata, "Jika engkau mahu aku hempapkan saja dua buah bukit besar yang keras ini ke atas mereka, niscaya akan ku lakukan." Tetapi Nabi s.a.w. menghalangnya berbuat begitu, baginda sebaliknya berkata, "Bahkan aku berharap Allah akan mengeluarkan daripada sulbi-sulbi mereka orang-orang yang akan menyembah Allah semata-mata dalam keadaan tidak menyengutkannya dengan sesuatu yang lain."?

(c) Memang tidak dinafikan bahawa Jibril-lah yang menurunkan ayat-ayat al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi perkataan آية yang digunakan di dalam ayat 101 sekarang tidaklah ditujukan kepada ayat tertentu di dalam al-Qur'an, sebaliknya ia bererti al-Qur'an itu sendiri sebagai mu'jizat daripada Allah yang menunjukkan kebesaranNya.

(d) Ayat ini tidak sesuai langsung untuk dikaitkan dengan ayat-ayat hukum yang dimansuhkan, kerana ia merupakan ayat Makkiyyah dan sememangnya ia terletak di dalam Surah an-Nahl yang merupakan salah satu surah Makkiyyah. Sedangkan ayat-ayat hukum secara umumnya diturunkan di Madinah. Ia sepatutnya terdapat di dalam surah-surah Madaniyyah. Hukum apa agaknya yang telah dimansuhkan di Mekah sehingga perlu diturunkan ayat yang bercerita tentang kewajaran pemansukhannya?!

(e) Perkataan آية yang tersebut di dalam ayat 101 Surah an-Nahl ini lebih sesuai dikaitkan dengan al-Qur'an itu sendiri sebagai mu'jizat yang dipertikaikan oleh orang-orang kafir pada masa itu. Orang-orang kafir semasa menuntut dan mencabar Nabi s.a.w. mengemukakan kepada mereka mu'jizat-mu'jizat zahir seperti yang pernah diberikan kepada Nabi Musa dan 'Isa dahulu, jika baginda benar-benar rasul Allah sebagaimana yang dida'wa oleh baginda. Sebagai buktinya lihatlah firman Allah di bawah ini:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَى أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾ وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّى تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا ﴿٩٠﴾ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ مِّنْ نَّحِيلٍ وَعَنْبٍ فَتُفَجَّرَ الْأَنْهَارُ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ﴿٩١﴾ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمْتَ عَلَيْنَا كِسْفًا أَوْ تَأْتِي بِلِلِّهِ وَالْمَلَكِ قَبِيلًا ﴿٩٢﴾ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرِفٍ أَوْ تَرْقَى فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرَبِّكَ حَتَّى تُنَزِّلَ عَلَيْنَا كِتَابًا نَقْرُوهُ ۚ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيْ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٣﴾ وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَنْ يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٤﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang-ulang kepada manusia, di dalam Al-Quran ini, dengan berbagai-bagai contoh perbandingan (yang mendatangkan iktibar); dalam pada itu, kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain dari kekufuran. (89). Dan mereka berkata: Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan mata air dari bumi bagi Kami. (90). Atau (sehingga) engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus. (91). Atau (sehingga) engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau katakan (akan berlaku); atau (sehingga) engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya. (92). Atau (sehingga) engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau (sehingga) engkau naik ke langit dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang kenaikanmu ke langit sebelum engkau turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya. Katakanlah (wahai Muhammad): Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul? (93). Dan tiadalah yang menghalang orang-orang musyrik itu dari beriman ketika datang kepada mereka hidayat petunjuk, melainkan (keingkaran mereka tentang manusia menjadi Rasul, sehingga) mereka berkata dengan hairan: Patutkah Allah mengutus seorang manusia menjadi Rasul? (94). (al-Israa': 89-94).

(f) Firman Allah di dalam ayat 101 Surah an-Nahl ini merupakan penolakan terhadap permintaan orang-orang kafir supaya Nabi s.a.w. membawa kepada mereka Qur'an yang lain atau baginda menukarnya dengan sesuatu yang lain. Justeru itu adalah suatu yang sia-sia saja. Lihat bagaimana Allah menggambarkan permintaan mereka yang bukan-bukan itu di dalam firmanNya ini:

وَإِذَا تَنَالَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا أَتُنَبِّئُونَ بِفَرِيقٍ غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدِّلَةٌ قُلْ مَا يَكُونُ لِي أَنْ أُبَدِّلَهُ
 مِنْ تِلْقَآئِ نَفْسِي ۚ إِنْ أَتَّبِعْ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ۖ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

Bermaksud: Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami (untuk menerima balasan): Bawalah Quran yang lain daripada ini atau tukarkanlah dia. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak berhak menukarkannya dengan kemahuanku sendiri, aku hanya tetap menurut apa yang diwahyukan kepadaku sahaja. Sesungguhnya aku takut, jika aku menderhaka kepada Tuhanku, akan azab hari yang besar (soal jawabnya). (Yunus:15).

(g) Seseengah 'ulama' pula berpendapat, perkataan آية yang tersebut di dalam ayat 101 Surah an-Nahl itu bererti syari'at. Syari'at para nabi dan rasul itulah yang ditukar oleh Allah dari semasa ke semasa. Ia menggambarkan kemusykilan orang-orang kafir, khususnya Ahlil Kitab dari kalangan Yahudi yang mengamalkan hukum-hukum Kitab Taurat bahawa bagaimana Muhammad boleh menghalalkan sesuatu yang diharamkan oleh syari'at Nabi Musa dahulu, jika baginda benar-benar rasul yang diutuskan oleh Allah. Bagaimana boleh terdapat perbezaan di antara dua orang rasul yang diutuskan, sedangkan mereka membawa wahyu daripada Tuhan yang sama?

Hakikat ini dapat dilihat pada firman Allah di dalam Surah al-An'aam yang juga merupakan surah Makkiyyah. Allah berfirman:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٥١﴾ وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُلْفُرٍ ۖ وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُرُهُمَا أَوْ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ۚ ذَلِكَ جَزَيْنَهُمْ بِبَعْثِهِمْ
 وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴿١٥٢﴾ فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ رَبُّكُمْ ذُو رَحْمَةٍ وَاسِعَةٍ وَلَا يُرَدُّ بَأْسُهُ عَنِ الْقَوْمِ الْمُجْرِمِينَ ﴿١٥٣﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai atau darah yang mengalir atau daging babi kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara

fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah. Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (145). Dan Kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku dan dari lembu dan kambing pula Kami haramkan kepada mereka lemaknya, kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami balas mereka dengan sebab kederhakaan mereka dan sesungguhnya Kamilah yang benar. (146). Kemudian jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad) maka katakanlah: Tuhan kamu mempunyai rahmat yang luas melimpah-ruah dan azab seksaNya tidak dapat ditolak dari kaum yang berdosa. (147). (al-An'aam:145-147).